

Headline	Wanita besi MRT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2014	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	314,000
Readership	942,000	Section	Supplement
Color	Full Color	Page No	1,22,23
ArticleSize	1709 cm ²	AdValue	RM 58,911
Journalist	Nadia Hamid	PR Value	RM 176,732



Wanita 'besi' MRT

» Rafidah, Farhana pecah monopoli lelaki, kental harungi cabaran projek prasarana

Headline	Wanita besi MRT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2014	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	314,000
Readership	942,000	Section	Supplement
Color	Full Color	Page No	1,22,23
ArticleSize	1709 cm ²	AdValue	RM 58,911
Journalist	Nadia Hamid	PR Value	RM 176,732

Oleh Nadia Hamid
 nnaadia@bh.com.my

Menceburi bidang kejuruteraan yang rata-rata didominasi lelaki bukanlah laluan mudah buat kedua-dua wanita ini, lebih-lebih lagi apabila ia membabitkan projek pembinaan infrastruktur mega Transit Aliran Massa (MRT).

Ir Rafidah Ahmad, 44, dan Siti Farhana Faridudin, 25, mengakui menimba pelbagai pengalaman dalam dunia kejuruteraan, termasuk cabaran mengutarakan idea supaya didengari pihak atasan lelaki, menempatkan diri dalam kelompok pekerja lelaki, malah pernah mengalami keadaan 'diskriminasi gender'.

Tambahan pula, kini wanita bijak berkenaan terbabit menyipakan projek membina sistem rel seperti *Subway*, *Metro* atau *Underground*, yang popular sebagai sistem pengangkutan berkesan di luar negara, namun masih hijau di Malaysia.

Usaha raih kepercayaan

Rafidah yang bertugas sebagai Penolong Pengurus Besar, Jurutera Mekanikal MRT Corp, berkata pengalaman lebih 21 tahun dalam bidang kejuruteraan banyak membuka matanya untuk bersaing dan melakukan usaha berkali-kali ganda daripada lelaki supaya kebolehan tidak dipertikaikan sege-lintir pihak.

Kata ibu kepada dua cahaya mata, Muhammad Hariz, sembilan tahun dan Mohammad Hafiz, enam tahun, beliau terpaksa bekerja lebih masa untuk meyakinkan pihak atasan akan kebolehan dalam industri kejuruteraan, sekali gus membenarkan diri dalam menyuarakan pendapat.

Bahkan, Rafidah menjelaskan

beliau terpaksa menyuarakan 'hasrat' melakukan kerja luar pejabat berbanding sekadar terperap di pejabat merancang pelan atau mengutarakan teori bagi menyerahkan kemahiran diri.

Persaingan sengit

"Pada zaman awal berkecimpung dalam industri kejuruteraan, bilangan jurutera perempuan boleh dibilang dengan jari. Begitu juga ketika belajar, daripada 10 pelajar kejuruteraan perempuan, hanya lima orang berjaya menamatkan pelajaran.

"Paling sukar saya lupakan apabila kebanyakan lelaki memandang rendah kebolehan wanita dan ada antaranya memberi 'amaran' yang bidang kejuruteraan bahaya serta sukar bagi seorang wanita," katanya tersenyum mengimbu kenangan lalu.

Rafidah bagaimanapun berkata, beliau bersyukur memperoleh sokongan penuh daripada keluarga terutama suami, Kamarudin Suboh, meskipun kejuruteraan bukan bidang pilihan popular dalam kalangan wanita.

Ya berikutan wanita terpaksa bekerja keras memahami struktur kompleks teori dan praktikal kejuruteraan di samping skop kerja rumit, membabitkan kerja luar dan terpaksa membahagikan masa dengan cekap dalam mengendalikan kerja dan rumah tangga.

Galas tugas pada usia muda

Sementara itu, Siti Farhana, tidak menganggap usia muda sebagai halangan menggalas tanggungjawab dalam projek besar.

Bergelar jurutera muda projek MRT, beliau berkata, pendedahan mengendalikan projek besar memberi peluang kepadanya untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan jurutera senior selain mengasah kemahiran meneroka kebolehan diri berdepan cabaran dunia kejuruteraan.

"Saya yakin kebolehan diri sendiri, walaupun terpaksa berdepan kekangan ketika menjalankan

tugas. Biasanya, perkongsian kerja dengan rakan sebaya tidak memberikan sebarang masalah, namun sedikit sulit dengan jurutera berpengalaman atau senior.

"Ia mungkin disebabkan perbezaan pemikiran atau sikap sege-lintir muda yang angkuh atau berlagak pandai dan malas bertanyakan sebarang masalah kepada mereka," katanya.

Gadis manis yang agresif itu berkata, beliau tidak segan merendah diri semata-mata mahu belajar sesuatu ilmu atau menceduk pengalaman jurutera senior. Tambah pula, dunia sebenar selalunya lebih sukar daripada apa yang dipelajari secara teori.

Tidak malu

Tanggungjawab dan kepercayaan diberikan pihak atasan menyebabkan gadis muda itu lebih gigih menimba ilmu, tidak malu menonjolkan diri, sekali gus mengimbangi pergerakan dan bekerjasama dengan rakan sekerja lelaki yang lain.

Peluang mengikuti kursus jangka pendek dianggap bahkan sebagai 'kejayaan datang bergolek'. Masih banyak perkara dalam dunia kejuruteraan yang perlu diterokai.

Kata Siti Farhana, Malaysia masih kekurangan tenaga kerja atau jurutera yang boleh mengendalikan sistem kereta api canggih, satu keperluan yang ditetapkan kerajaan selaras hasrat untuk mencapai status negara maju dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Sehingga kini, negara kita masih menggunakan khidmat jurutera dari luar negara seperti United Kingdom dan Hong Kong bagi mencurahkan kepakaran mengendalikan projek dalam negara.

"Mungkin hari ini kami masih mentah, namun siapa tahu suatu hari nanti kami akan mengetuai projek mega dengan kemahiran ditimba sama ada di dalam atau luar negara," katanya mengagumi ketabahan ditunjukkan jurutera

Headline	Wanita besi MRT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2014	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	314,000
Readership	942,000	Section	Supplement
Color	Full Color	Page No	1,22,23
ArticleSize	1709 cm ²	AdValue	RM 58,911
Journalist	Nadia Hamid	PR Value	RM 176,732

“BIASANYA, PERKONGSIAN KERJA DENGAN RAKAN SEBAYA TIDAK MEMBERIKAN MASALAH, NAMUN SEDIKIT SULIT DENGAN JURUTERA BERPENGALAMAN ATAU SENIOR”

*Siti Farhana Faridudin,
Jurutera*

“KEBANYAKAN LELAKI MEMANDANG RENDAH KEBOLEHAN WANITA DAN ADA ANTARANYA MEMBERI ‘AMARAN’ YANG BIDANG KEJURUTERAAN BAHAYA SERTA SUKAR”

*Rafidah Ahmad,
Jurutera*

INFO

MRT

- ⊙ MRT menyediakan sistem pengangkutan lebih cekap dan berkesan kepada lebih 1.2 juta pengguna di Lembah Klang dengan keupayaan membawa penumpang dalam skala besar.
- ⊙ Permintaan perjalanan di Lembah Klang dianggarkan mencapai tahap 18 juta pergerakan sehari menjelang tahun 2020. Sekiranya pergerakan berkenaan memabatkan kenderaan persendirian, jaringan jalan raya akan berdepan kesesakan melampau.
- ⊙ Laluan MRT Lembah Klang pertama (MRT Sungai Buloh -Kajang) memabatkan kawasan di barat laut Kuala Lumpur, ibu kota dan beberapa kawasan sesak seperti Cheras, Bukit Bintang Sunway Giza, The Curve dan One Utama dengan laluan sepanjang laluan 51 kilometer (km).
- ⊙ Turut melalui kawasan pembangunan baru yang besar seperti Tun Razak Exchange, projek pembangunan semula Cochrane dan Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh, memabatkan 31 stesen.
- ⊙ Tujuh dari stesen berkenaan ialah stesen bawah tanah dan 24 stesen bertingkat yang berlandaskan konsep wakaf, iaitu struktur binaan tempat berehat tradisional tempatan yang terbuka dan memiliki sistem pengudaraan baik.
- ⊙ Laluan berkenaan akan berintegrasi dengan rangkaian rel pengangkutan bandar sedia ada di Lembah Klang. Integrasi secara fizikal membolehkan pertukaran antara laluan dengan mudah tanpa keluar dari pintu gerbang atau tambang. Bahkan, sistem tambang akan diintegrasikan secara berkesan iaitu tiket untuk aliran transit ringan (LRT) dan monorel boleh digunakan untuk MRT.
- ⊙ Laluan berkenaan akan meningkatkan liputan rangkaian rel bandar, menambahkan bilangan stesen pertukaran, sekaligus memudahkan penumpang bertukar dari satu laluan ke laluan lain serta melebarkan potensi perjalanan mereka di sepanjang pelaksanaan sistem berkenaan.

Headline	Wanita besi MRT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2014	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	314,000
Readership	942,000	Section	Supplement
Color	Full Color	Page No	1,22,23
ArticleSize	1709 cm ²	AdValue	RM 58,911
Journalist	Nadia Hamid	PR Value	RM 176,732

BH 30 OGOS 2014 © SABTU
INSPIRASI 23

PROFIL

- © **Nama:** Siti Farhana Faridudin
- © **Umur:** 25 tahun
- © **Jawatan:** Jurutera Bekalan Tenaga dan Sistem Agihan, Jabatan Sistem (PS&DS)
- © **Kelulusan:** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

PROFIL

- © **Nama:** Rafidah Ahmad
- © **Umur:** 44 tahun
- © **Jawatan:** Penolong Pengurus Besar, Jurutera Mekanikal MRT Corp
- © **Kelulusan:** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pengeluaran) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sarjana Sains Perancangan Kecemasan Universiti Putra Malaysia (UPM), Sijil Fasilitator GBI (Green Building Facilitator Course) dan Jurutera Profesional berdaftar Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM)
- © **Pengalaman:** 21 tahun dalam pelbagai bidang, antaranya perunding jurutera, komunikasi dan pengurus projek.
 - Bekerja di Ranhill Bersekutu, KTA Tenaga dan syarikat pengurusan projek, KLIA Consult Sdn Bhd.
 - Terbabit menjayakan projek LRT Putra Line, projek landasan kereta api berkembar Rawang - Ipoh, projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Jurutera Perunding Mekanikal) dan Projek Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Pengurus Kanan Mekanikal)

WANITA BESI

» PECAH MONOPOLI
LELAKI KENDALI
PROJEK MRT

MS22/23